

26 JAN 1998

Mahathir-Pertandingan

PEMILIHAN BAHAGIAN-BAHAGIAN UMNO SECARA RUNDINGAN

KOTA BAHARU, 26 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Majlis Tertinggi (MT) Umno akan berusaha memastikan supaya pemilihan bagi jawatan-jawatan parti di peringkat bahagian pada Mac depan dilakukan secara rundingan, bukan pertandingan.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno itu berkata MT akan menjelaskan kepada anggota dan pemegang jawatan-jawatan parti di peringkat itu supaya mencari persetujuan di kalangan mereka untuk mengelakkan pertandingan demi kepentingan parti.

"Kita utamakan kepentingan parti. Walaupun kita percaya kepada demokrasi tetapi demokrasi yang membawa pecah-belah bukan sesuatu yang ingin kita lihat.

"Kita cari persetujuan," kata beliau ketika ditanya pemberita mengenai pendekatan yang akan diambil oleh Umno pada pemilihan parti itu di peringkat bahagian dari 12 hingga 29 Mac depan.

Terdahulu Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Kelantan, mempengerusikan mesyuarat badan itu selama lebih dua jam di Rumah Sri Kelantan, di sini.

Bagi memastikan usaha mengelakkan pertandingan yang boleh menyebabkan perpecahan parti, Dr Mahathir berkata, mesyuarat MT baru-baru ini telah membuat keputusan bahawa semua anggota MT yang kini penyandang jawatan Ketua Bahagian tidak boleh dicabar.

Pada masa yang sama, anggota-anggota MT yang bukan daripada kalangan Ketua Bahagian sekarang tidak boleh mencabar Ketua Bahagian yang sedia ada, katanya.

"Kalau dia belum jadi ketua, dia tak boleh cabar (ketua yang ada). Kalau dia sudah jadi ketua, orang lain tak boleh cabar dia.

"Dia tak boleh dicabar dan dia tak boleh mencabar. Jadi adillah," katanya ketika ditanya kedudukan anggota-anggota MT pada pemilihan di peringkat bahagian kelak.

Bagi kedudukan Ketua-ketua Bahagian yang bukan terdiri daripada anggota-anggota MT pula, Dr Mahathir berkata, rundingan akan diadakan bagi mengelakkan pertandingan.

Mengenai mesyuarat Badan Perhubungan Umno Kelantan, Dr Mahathir berkata, mesyuarat itu sebulat suara membuat keputusan bahawa tidak ada pertandingan bagi jawatan Ketua Bahagian di Kelantan termasuk di Gua Musang.

Beliau berkata, penyandang jawatan Ketua Bahagian Gua Musang, Saupi Abdul Rahman, telah bersetuju untuk tidak bertanding jawatan itu tetapi sebaliknya menawarkan jawatannya kepada bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah.

"Untuk menjaga perpaduan dalam Umno Kelantan dan menentukan kita tidak berpecah belah maka kita tidak adakan pemilihan untuk ketua bahagian, iaitu ketua bahagian akan kekal dan tidak ada cabaran melainkan dianya undur diri ataupun tidak bertanding," katanya.

Bagi jawatan-jawatan lain, Dr Mahathir berkata, Umno Kelantan akan berusaha mengurangkan pertandingan bagi memastikan seboleh-bolehnya tiada sebarang pertukaran penyandang.

"Di Kelantan kita bersetuju tumpukan usaha menguatkan parti. Kita berpendapat bahawa oleh kerana kita perlu menguatkan Umno di Kelantan lebih daripada tempat-tempat lain jadi sebab itu kita buat persetujuan," katanya.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat itu sebulat suara bersetuju bahawa

perjuangan parti adalah lebih utama dan bukannya perjuangan individu.

Ketika ditanya bagaimana Umno Kelantan hendak memperjelaskan keputusan itu kepada anggota-anggota parti, beliau berkata : "Demi kepentingan parti, semua anggota di Kelantan perlu utamakan perjuangan parti dan bukan perjuangan individu".

Mengenai sama ada langkah itu merupakan persiapan Umno Kelantan bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir berkata, Umno sudah pasti akan lebih kuat di negeri ini jika tiada perpecahan di kalangan anggotanya.

"Biasanya kita kalah bukan kerana parti lawan kuat tapi ada masalah dalam parti. Kita nak kurangkan masalah," katanya.

Pendekatan yang sama tidak perlu diambil di negeri-negeri lain kerana musuh Umno tidak begitu kuat seperti di Kelantan. -- BERNAMA.

AH RAR PR